



**MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENYALURAN BANTUAN MUSIM TENGGUJUH TAHUN 2019  
KEPADA PEKEBUN KECIL DAN PENOREH GETAH**

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan warga tani. Maka, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memperuntukkan RM164 juta untuk Bantuan Musim Tengkujuh kepada 274,639 orang pekebun kecil getah, iaitu 255,997 pemilik pengusaha dan 18,642 penoreh bukan pemilik.

Kadar bantuan sebanyak RM600 seorang akan disalurkan dalam dua peringkat terus ke akaun pekebun kecil, iaitu RM300 pada bulan Disember 2019 dan RM300 pada bulan Januari 2020 oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), di bawah seliaan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Sehubungan itu, pekebun kecil dan penoreh getah yang berdaftar dengan RISDA dan mengusahakan kebun getah tidak lebih 2.5 hektar digalakkan untuk segera membuat permohonan dan mengemaskinikan maklumat mereka sebelum 15 Disember 2019 di Pejabat RISDA seluruh Malaysia.

Bagi membantu pekebun kecil dan penoreh getah mengharungi cabaran musim tengkujuh, peruntukan Bantuan Musim Tengkujuh akan diteruskan dalam Belanjawan Tahun 2020 dengan jumlah RM200 juta akan disalurkan kepada pekebun kecil RISDA dan juga pekebun kecil di bawah Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

Peningkatan peruntukan Bantuan Musim Tengkujuh dari tahun lepas pastinya mengurangkan beban pekebun kecil dalam mengimbangi kos sara hidup harian ketika berlaku penurunan produktiviti akibat musim tengkujuh.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**  
**Menteri Hal Ehwal Ekonomi**

**9 Disember 2019**